

Polis rakam keterangan Muhyiddin Selasa ini

2 kertas siasatan dibuka terhadap Presiden BERSATU babit ucapan sentuh 3R, 'fatwa'

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru: Polis Diraja Malaysia (PDRM) membuka dua kertas siasatan terhadap Tan Sri Muhyiddin Yassin yang didakwa mengeluarkan kenyataan berbaur 3R yang merujuk agama, bangsa dan Raja ketika kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Pulaui dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Simpang Jeram.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay, berkata polis juga akan memanggil Pengerusi Perikatan Nasional (PN) itu Selasa ini untuk diambil keterangan berhubung siasatan itu.

"Ada dua kertas siasatan dibuka terhadap Muhyiddin susulan kenyataan beliau (berhubung) 'fatwa' dan kenyataannya berkenaan orang Melayu akan hilang kuasa.

"Jadi kita akan panggil beliau pada 12 September ini untuk diambil keterangan," katanya selepas meninjau proses mengundi bagi Parlimen Pulaui di Maktab Sultan Abu Bakar, di sini, semalam.

Sabtu lalu, Muhyiddin yang juga Presiden BERSATU didakwa mengeluarkan kenyataan baha-



Ayob Khan (tiga dari kiri) meninjau proses mengundi di SJKC Pei Chai, Simpang Jeram, Muar, semalam.

(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

wa 'haram' memberikan undi kepada calon Pakatan Harapan (PH) Parlimen Pulaui, Suhaizan Kayat, ketika berucap pada Ceramah Perdana di Dataran Utama Kempas, di sini.

Ahli Parlimen Pagoh itu juga dilapor mengeluarkan kenyataan mendakwa parti orang Melayu dilihat sudah hilang kuasa, selain mendakwa kerajaan ketika ini seolah-olah tidak faham masalah orang Melayu.

Pada 4 September lalu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain memaklumkan polis membuka kertas siasatan terhadap Muhyiddin mengikut Seksyen 505(b) Kanun Keseksaan kerana mengeluarkan kenyataan yang menimbulkan ketakutan dan kegenteran awam, selain Seksyen 233 Akta Komunikasi Multimedia 1998.

Dalam pada itu, Ayob Khan ber-

kata buat masa ini, tiada kertas siasatan baharu dibuka memabitkan pemimpin parti politik lain berhubung isu 3R.

Beliau turut mengingatkan dan menasihatkan pemimpin politik serta masyarakat supaya tidak mengeluarkan lagi kenyataan berkaitan 3R termasuk ketika berkempen bagi PRK Pelangai di Pahang, hujung bulan ini.

"Polis sentiasa memantau semua sosial media, kalau ada kita akan buka kertas siasatan tetapi nanti apabila sudah disiasat, ditahan, didakwa dan dihukum, baru timbul rasa (meminta) simpati serta lain-lain," katanya.

Mengulas siasatan terhadap Presiden PAS, Tan Sri Abdul Hadi Awang pula, beliau berkata kertas siasatan sudah dilengkapkan dan telah dihantar ke Pejabat Pe-

guam Negara (AGC).

Sementara itu, Muhyiddin ketika berucap pada Grand Finale Ceramah Mega PN di Taman Kempas Utama, di sini, malam kelmarin mengulangi pendirian beliau bahawa ucapan 'mengharamkan' undi kepada Suhaizan yang dibuatnya minggu lalu hanyalah kenyataan politik biasa dan bukannya fatwa.

"Haram Muhyiddin tidak sama dengan haram dalam al-Quran dan fatwa. Itu bukan hukum fatwa, itu satu kenyataan menyatakan jangan sokong. Itu pilihan, saya cakap jangan pilih.

"Namun kenyataan saya itu diputar belit sesetengah pihak yang mengatakan siapa Muhyiddin hendak keluarkan fatwa dan keluarkan hukum haram sedangkan saya amat faham fatwa hanya boleh dikeluarkan Majlis Fatwa Kebangsaan dan Negeri," katanya.